

SOALAN NO: 13

MESYUARAT PERTAMA, PENGGAL KEENAM  
PARLIMEN KETIGA BELAS  
PEMBERITAHUAN PERTANYAAN  
DEWAN RAKYAT MALAYSIA

**PERTANYAAN :** LISAN  
**DARIPADA :** YB PROF. DR. ISMAIL BIN DAUT  
**KAWASAN :** MERBOK  
**TARIKH :** 20 MAC 2018, SELASA

**SOALAN:**

**YB PROF. DR. ISMAIL BIN DAUT** minta **MENTERI KERJA RAYA** menyatakan apakah langkah yang dilakukan oleh Kementerian dalam membendung masalah jalan yang tidak berturap dan berlubang yang menyebabkan kes kemalangan sering berlaku.

**JAWAPAN:**

Tuan Yang Di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat jalan berlubang atau *pothole* berlaku apabila sesuatu jalan itu menghampiri tempoh jangka hayat yang direkabentuk iaitu antara 7 hingga 20 tahun. Walau bagaimanapun, faktor kenderaan berat yang melebihi had muatan dibenarkan turut mempengaruhi tempoh jangka hayat jalan.

Bagi mengurangkan kes kemalangan yang sering kali berlaku akibat masalah jalan yang tidak berturap dan berlubang, Kementerian ini telah menghasilkan rekabentuk turapan yang lebih berdaya tahan untuk menampung beban trafik, seperti menambah ketebalan turapan, penggunaan teknologi baru seperti *Cement Stabilised Base*, *Polymer Modified Asphalt (PMA)*, *Stone Mastic Asphalt (SMA)* dan *Cuplumps Modified Asphalt (CMA)*.

Di samping itu, melalui Rancangan Malaysia Kesebelas 2016 - 2020 (RMKe-11), Kementerian Kerja Raya telah menetapkan sasaran sekurang-kurangnya lima peratus (5%) daripada projek-projek baru yang dilaksanakan oleh JKR hendaklah menggunakan teknologi turapan konkrit dan PMA. Teknologi ini juga merupakan salah satu kaedah alternatif bagi mengurangkan risiko jalan berlubang.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Kementerian Kerja Raya mulai bulan Februari 2016 telah melancarkan dasar sifar lubang atau ‘zero pothole’ di Jalan Persekutuan seluruh negara. Dasar ini menetapkan supaya lubang jalan perlu ditampal atau diambil tindakan oleh syarikat

10

konsesi yang dilantik dalam tempoh kurang daripada 24 jam. Di samping itu, melalui kontrak penswastaan penyenggaraan Jalan Persekutuan Semenanjung Malaysia, syarikat konsesi perlu membuat rondaan secara berkala dan membaiki kerosakan *potholes* yang dikenal pasti untuk tujuan keselamatan dan keselesaan pengguna jalan raya.

Sekian, terima kasih.